



# PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR INTERNATIONAL BOOK FAIR 2026

29<sup>hb</sup> Mei – 7<sup>hb</sup> Jun 2026

MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA  
(NATIONAL BOOK COUNCIL OF MALAYSIA)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,  
LEVEL 1, BLOCK 2251,  
BANGUNAN MUSTAPHA KAMAL,  
JALAN USAHAWAN 1,  
63000 CYBERJAYA, MALAYSIA.

Tel.: +603 8321 7011 (MBKM)

+603-4042 0066/ 0099 (Pengurus Acara)

WhatsApp:

019-216 2806 (Amran),

019-250 5011 (Shahrin),

E-mail: [klibf.malaysia@gmail.com](mailto:klibf.malaysia@gmail.com)

## TERMA DAN SYARAT AM

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) ialah Pengelola utama Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL). Mana-mana syarikat tempatan, penerbit buku, dan industri perbukuan serta badan berkanun Kerajaan layak untuk menyertai PBAKL.

### 1 RERUAI

#### 1.1 Sewaan & Bayaran

Kadar sewaan reruai bagi penyertaan Pempamer ditetapkan seperti yang berikut ini:

BUTIRAN LOKASI RERUAI	MASA PERNIAGAAN	KADAR HARGA		CATATAN
		AHLI PERSATUAN	BUKAN AHLI PERSATUAN	
S1 MAWAR, ARAS 2	10:00 a.m. hingga 10:00 p.m.	RM4,000.00	RM5,000.00	Nama-nama persatuan: 01 MBEIA 02 MABOPA 03 PIBM 04 MBA 05 PKBM 06 MAPIM
S3 PENTAS, ARAS 2				
S4 TUN HUSSEIN ONN, ARAS 2				
S5 TUN DR ISMAIL, ARAS 2				
S6 TUN RAZAK 3, ARAS 3				
S7 MERDEKA, ARAS 4				
S8 TUN RAZAK 4, ARAS 4				
S9 ARAS 5				

## **1.2 Spesifikasi Reruai**

Saiz reruai standard meliputi kawasan seluas 3m x 3m dan 3m x 2.5m, yang dilengkapi dengan pencahayaan asas, dua buah rak buku, 1 buah meja, 2 buah kerusi, dan 1 buah bakul sampah. Perubahan terhadap struktur dan reka bentuk reruai asas tertakluk pada kelulusan pihak Pengelola dan hanya boleh dilakukan oleh kontraktor rasmi PBAKL. (Sebarang kelengkapan tambahan akan dikenakan caj berasingan.)

## **1.3 Peruntukan Reruai**

Tertakluk pada pemilihan kluster oleh Syarikat, Organisasi, atau Pempamer dalam aplikasi PBAKL-STAR. Sila lihat Lampiran 1 untuk Terma & Syarat tempahan dalam talian aplikasi PBAKL-STAR.

## **1.4 Pembatalan**

Mana-mana Pempamer yang mengambil keputusan untuk membatalkan penyertaan atau mengurangkan jumlah bilangan reruai sebaik-baik sahaja permohonan dikemukakan, caj-caj yang berikut akan dikenakan, iaitu ditolak daripada bayaran yang telah dibuat oleh Pempamer dan baki jumlah bayaran akan dikembalikan kepada Pempamer dalam tempoh 15 hari dari tarikh pembatalan tersebut:

- sebelum 01 April 2026: 50% daripada jumlah bayaran akan ditolak;
- selepas 01 April 2026: 100% daripada jumlah bayaran akan ditolak.

## **1.5 Kekosongan Reruai**

Pihak Pengelola berhak untuk mengambil semula dan menjual semula mana-mana reruai kosong pada hari pertama PBAKL sekiranya berlaku sebarang pembatalan dan penarikan diri oleh Pempamer. Dalam kes sedemikian, kadar sewa reruai dan pembayaran yang telah dibuat oleh Pempamer akan dilucuthakkan oleh pihak Pengelola.

## **1.6 Persediaan dan Pengemasan Tapak Pameran**

Persiapan tapak reruai ditetapkan mengikut masa yang berikut:

12.00 tengah hari – 10.00 malam (*akan dimaklumkan*)

Pengemasan tapak reruai pula ditetapkan mengikut masa yang berikut:

9.00 pagi – 1.00 petang (8 Jun 2026)

## **2 DASAR KEBAKARAN**

Perlindungan insurans untuk risiko kebakaran ke atas stok dalam perdagangan yang disediakan oleh pihak Pengelola hanya untuk keseluruhan acara PBAKL. Jumlah yang diinsuranskan hendaklah tidak melebihi RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Juta Sahaja).

## **3 WAKTU PAMERAN**

Waktu operasi perniagaan dalam PBAKL adalah seperti yang berikut ini:

10.00 pagi hingga 10.00 malam

Pada tempoh itu, ruang pameran yang ditetapkan melibatkan:

Pelantaran Putra, Bilik-Bilik (Mawar, Kelantan, Johor-Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak) Dewan Tun Hussein Onn, Dewan Tun Dr Ismail, Dewan Tun Razak 3, Dewan Tun Razak 4, Dewan Merdeka, dan Aras 5.

Pempamer mestilah memastikan reruai mereka terus dibuka sepanjang waktu pameran. Waktu bagi lokasi atau kawasan pameran dibuka tertakluk pada pindaan oleh pihak Pengelola.

## **4 FASCIA**

Nama pada fascia tertakluk pada yang didaftarkan dalam Aplikasi PBAKL-STAR.

## **5 PENGURUSAN KLUSTER**

Setiap kluster yang dipilih tertakluk pada syarat-syarat yang berikut ini:

- 5.1 Pempamer dilarang menyewakan reruai kepada pihak ketiga.
- 5.2 Bahan-bahan promosi, edaran brosur, gegantung, dan sebagainya mestilah dalam ruang lingkup reruai Pempamer sahaja.
- 5.3 Jika terdapat sebarang peletakan atau penempatan bahan promosi yang melebihi ruang yang dibenarkan atau yang mengganggu laluan, pihak Pengelola berhak merampas dan mengenakan denda kepada Pempamer. Ketetapan ini dibuat demi menjaga keharmonian dan keselamatan semua pihak.

## **6 GARIS PANDUAN PBAKL**

### **6.1 Memaparkan/Menjual Barangan**

6.1.1 Setiap bahan bercetak yang dijual/dipamerkan tertakluk pada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301).

6.1.2 Buku-buku terbitan menepati 70% daripada ruang reruai. Selebihnya dibenarkan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan buku.

6.1.3 Produk yang berikut ini **DILARANG** daripada diniagakan/dipamerkan di PBAKL:

- bahan-bahan yang telah diharamkan oleh Kerajaan;
- bahan-bahan cetakan yang menyinggung perasaan, berbahaya, menyentuh sensitiviti perkauman/agama;
- bahan-bahan cetakan berunsur lucah;
- produk yang pada pandangan Pengelola tidak relevan dengan profil pameran PBAKL (contohnya: pakaian & aksesori, makanan dan minuman, perkakas rumah, kosmetik, payung, mainan, permainan elektronik, produk elektronik pengguna selain daripada pembaca e-buku atau penterjemah elektronik dan peralatan audio);
- produk yang pada pandangan Pengelola tidak serasi dengan imej PBAKL.

6.1.4 Jika mana-mana Pempamer ingin mengedar/menjual cenderahati dan barangan hadiah dalam urusan mempromosikan produk utama, iaitu buku, produk tersebut tidak boleh melebihi 10% daripada kawasan reruai. Senarai cenderahati dan barangan hadiah hendaklah diserahkan kepada pihak Pengelola sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pembukaan PBAKL untuk kelulusan dan hanya boleh dipamerkan setelah diluluskan.

### **6.2 Penerbitan yang Tidak Sesuai**

Pempamer hendaklah memastikan tajuk dan pameran yang dilarang oleh undang-undang Malaysia tidak dipamerkan kepada umum. Pempamer hendaklah menanggung kerugian di pihak Pengelola terhadap semua perbelanjaan yang ditanggung dalam mengalihkan pameran tersebut. Pempamer hendaklah selanjutnya menanggung kerugian Pengelola terhadap semua tuntutan pampasan oleh mana-mana pihak yang terkilan/terkesan/terjejas.

### **6.3 Kawalan Pameran dan Keselamatan**

Pengelola berhak untuk menghadkan sebarang pembinaan atau demonstrasi atau aktiviti yang menimbulkan potensi bahaya keselamatan dalam kawasan PBAKL.

Semua bahan mudah terbakar dilarang sama sekali berada di dalam dewan dan/atau di kawasan PBAKL.

#### **6.4 Kebersihan**

Pempamer bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebersihan reruai mereka sepanjang berlangsungnya PBAKL. Pempamer mesti membuang semua sampah di kawasan sampah yang ditetapkan/disediakan.

#### **6.5 Pas Pempamer**

6.5.1 Sebagai langkah keselamatan, setiap Pempamer dibekali 2 (dua) Pas Pempamer untuk setiap satu reruai (3m x 3m & 3m x 2.5m). Pas ini diberikan untuk membolehkan petugas Pempamer memasuki tempat bagi menyusun atur, mengalihkan reruai, dan semasa tempoh pameran. Untuk keselamatan umum, Pempamer perlu memberikan pas kepada kakitangan kerja mereka sahaja.

6.5.2 Semasa berlangsungnya PBAKL, jika kedapatan mana-mana Pempamer tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak Pengelola, pihak Pengelola berhak untuk menghentikan Pempamer daripada mempamerkan/menghebahkan/menjual dan/atau mengedarkan produk yang berkaitan di PBAKL. Pihak Pengelola juga berhak untuk menamatkan penyertaan Pempamer dengan serta-merta tanpa sebarang pampasan.

6.5.3 Pas perlu dipakai sepanjang tempoh PBAKL, termasuklah semasa pemunggahan barang seusainya PBAKL. Pempamer boleh mendapatkan pas tambahan yang berharga RM10.00 seunit daripada pihak Pengurus Acara yang telah dilantik.

#### **6.6 Pas Pempamer**

Pempamer tidak dibenarkan menggunakan ruang reruai sebagai stor. Ruang reruai hendaklah digunakan untuk operasi jualan sahaja.

## **7 PERUNTUKAN KHAS**

Pihak Pengelola berhak untuk meminda dan melakukan perubahan kepada terma, syarat, peraturan, dan keperluan sekiranya perlu.

## 8 PENAFIAN/*FORCE MAJEURE*

Pihak Pengelola tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan pampasan oleh mana-mana Pempamer sekiranya PBAKL digantung atau dibatalkan yang berpunca daripada bencana alam, perintah daripada Kerajaan, atau sebarang gangguan di luar kawalan.

## 9 PUBLISITI/ PROMOSI ACARA

- 9.1 Sekiranya Pempamer ingin menganjurkan acara publisiti/promosi di reruai mereka sendiri untuk menarik orang ramai, permohonan bertulis berasingan mestilah dikemukakan kepada pihak Pengelola sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pembukaan PBAKL. Butiran penuh acara yang dicadangkan (termasuklah jenis acara, nama peserta, dan butiran aktiviti, dsb mestilah disertakan dalam permohonan bertulis. Pihak Pengelola, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh menolak permohonan itu, atau menghendaki Pempamer membuat perubahan pada acara yang dicadangkan dan membuat permohonan baharu. Pempamer mestilah memastikan bahawa acara yang dicadangkan untuk dijalankan selaras dengan imej PBAKL dan TIDAK menimbulkan masalah keselamatan awam (contohnya isu kawalan orang ramai) dan/atau yang dianggap tidak sesuai untuk diadakan semasa PBAKL.
- 9.2 Jika Pempamer berhasrat untuk mengadakan sebarang kempen derma atau acara lain yang perlu diadakan dengan lesen/permit, di reruai atau di kawasan awam, Pempamer mestilah mendapatkan lesen yang diperlukan daripada mana-mana badan kerajaan yang berkaitan sebelum pembukaan PBAKL. Pengelola mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan untuk acara yang tidak berlesen atau tanpa permit. Sebarang acara tidak berlesen sedemikian tidak boleh diadakan semasa PBAKL dan pihak Pengelola mempunyai hak mutlak untuk dengan serta-merta menamatkan acara sedemikian.
- 9.3 Pempamer mestilah menyediakan kakitangan yang mencukupi untuk menjaga/mengawal ketenteraman di lokasi acara tersebut. Jika publisiti/acara promosi yang dijalankan oleh Pempamer menarik orang ramai dan/atau menjejaskan trafik/laluan di tempat tersebut atau menjejaskan operasi biasa Pempamer lain yang berdekatan, pihak Pengelola berhak untuk menempatkan semula acara publisiti/promosi tersebut ke lokasi yang sesuai atau segera menamatkan acara tertentu. Pihak Pengelola berhak, pada bila-bila masa, melarang/menggagalkan apa-apa pun yang dilakukan tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu atau yang melanggar terma dan syarat yang ditetapkan atau mana-mana terma dan syarat yang dikenakan oleh pihak Pengelola dari semasa ke semasa.
- 9.4 Bahan publisiti mana-mana Pempamer hanya boleh diedarkan dari reruai pameran sendiri. Pengiklanan, aksi publisiti, atau demonstrasi seperti maskot, “*sandwich man*” atau *canvassing* untuk perniagaan tidak boleh dijalankan di mana-mana tempat

lain dalam PBAKL tanpa kelulusan bertulis daripada pihak Pengelola. Tiada pameran atau papan tanda pengiklanan boleh diletakkan di luar ruang pameran.

- 9.5 Pempamer TIDAK BOLEH meletakkan/mempamerkan/menggantung sebarang bahan promosi seperti pelekat bunting, poster, penyangkut, dan lain-lain di kawasan PBAKL dan/atau tempat/bangunan acara. Bahan promosi hendaklah dihadkan di ruang reruai sendiri.
- 9.6 Belon berisi gas tidak dibenarkan digunakan/berada di PBAKL dalam apa-apa juga keadaan.
- 9.7 Semua peralatan pandang dengar mesti menghasilkan tahap bunyi yang tidak menyebabkan sebarang gangguan atau kesulitan kepada Pempamer atau pelawat lain.
- 9.8 Sistem pengumuman awam (*PA System*) dilarang di semua kawasan reruai pameran.
- 9.9 Apa-apa juga kerja dalam apa-apa juga bentuk yang dijalankan di PBAKL mestilah mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan yang diperlukan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia dan yang ditetapkan oleh pihak Pengelola. Syarat-syarat ini terpakai kepada Pempamer, ejen, kontraktor, dan subkontraktornya. Semua kakitangan/pekerja Pempamer hendaklah mempunyai sijil pengenalan yang sah atau visa yang sah untuk pekerja asing. Pihak Pengelola berhak untuk menghentikan sebarang kerja yang melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan ini dan Pempamer tidak akan mempunyai tuntutan terhadap pihak Pengelola atau ejennya atas sebarang kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengannya.
- 9.10 Jika mana-mana Pempamer gagal mematuhi terma, syarat, peraturan, atau arahan pihak Pengelola seperti yang dinyatakan di atas, pihak Pengelola berhak untuk menghukum/mendenda Pempamer, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menamatkan penyertaannya serta-merta dan melarang penyertaannya dalam PBAKL pada masa hadapan.

# LAMPIRAN 1

## TERMA & SYARAT TEMPAHAN DALAM TALIAN APLIKASI PBAKL-STAR

### TEMPAHAN

- 1.1 Tempahan reruai akan dibuka pada 29 Disember 2025, bermula jam 12:00 tengah hari hingga 05 Januari 2026, jam 11:59 tengah malam.
- 1.2 Syarikat yang layak dan telah mendapat unik ID sahaja yang dibenarkan untuk menyertai tempahan reruai PBAKL 2026.
- 1.3 Satu Syarikat hanya boleh memilih SATU kluster reruai.
- 1.4 Untuk setiap Unik ID yang diberikan, hanya satu peranti dibenarkan mengakses aplikasi PBAKL-STR dalam satu-satu masa.
- 1.5 Tempahan reruai adalah berdasarkan konsep “Siapa Cepat Dia Dapat” (*First Come First Served*).
  - 1.5.1 Jika terdapat pertindihan tempahan reruai, maka pihak yang terawallah yang akan dipilih.
  - 1.5.2 Sekiranya masih sama, pihak Pengelola akan menggunakan budi bicaranya untuk menyelesaikan perkara tersebut.
  - 1.5.3 Keputusan pihak Pengelola muktamad.
- 1.6 Demi melancarkan proses tempahan, sila pastikan peralatan, peranti, dan capaian Internet berada dalam keadaan baik.

### PEMBAYARAN

- 2.1 Pembayaran mestilah dibuat dalam tempoh lima (5) hari setelah berjaya membuat tempahan dalam aplikasi PBAKL-STAR.
- 2.2 Pembayaran perlu dibuat melalui akaun Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (Public Bank: Nombor akaun 3138945012).
- 2.3 Pembayaran mestilah dimasukkan terus ke akaun MBKM, sama ada melalui pindahan secara dalam talian, cek, atau di kaunter bank, dan resit bukti pembayaran tersebut mestilah dimuatnaikkan ke dalam talian aplikasi PBAKL-STAR untuk pengesahan dan untuk rujukan oleh pihak Pengelola.
- 2.4 Tempahan akan disahkan dalam tempoh lima (5) hari setelah bukti pembayaran dimuatnaikkan oleh pihak Pempamer.

2.5 Tempahan akan terbatal sekiranya tiada pembayaran diterima dalam tempoh yang telah ditetapkan dan atas budi bicara pihak Pengelola.